

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	11 AUGUST 2016

## Lambang hampir serupa logo klinik kecantikan

Um = 11/8/2016


**KUALA LUMPUR 10 Ogos** - Parti Pribumi Bersatu Malaysia didakwa menggunakan lambang yang hampir serupa dengan logo yang digunakan oleh sebuah klinik kecantikan tempatan, Nexus Clinic.

Perkara itu dibangkitkan para pengguna Internet, namun terdapat sedikit perbezaan dari segi warna latar dan bentuk.

Lambang parti yang ditubuhkan bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin itu berasaskan bunga raya yang mempunyai lima kelopak dengan menggunakan warna merah sebagai latar.

Nexus Clinic pula menggunakan lambang yang kelihatan seperti bunga yang mempunyai empat kelopak dengan berlatarkan warna hijau.

Semakan di laman web *Nexus Clinic* (<http://nexus-clinic.com>) mendapati klinik tersebut menawarkan perkhidmatan seperti rawatan muka, badan, rambut serta penjagaan kulit.



**LAMBANG** parti Pribumi Bersatu Malaysia dikatakan hampir menyerupai lambang yang digunakan Nexus Clinic.

Menurut pemerhatian, warna dan corak bunga raya dalam lambang parti baharu tersebut juga dilihat hampir sama dengan bendera Hong Kong.

“Mungkin itu hanya kebetulan,” kata Netizen.

Selain itu, ada pengguna Facebook yang mengaitkan lambang parti tersebut dengan logo Sukan

Komanwel 1998.

Situasi yang dihadapi Parti Pribumi mempunyai persamaan dengan apa yang berlaku terhadap PAN September lalu apabila lambang parti serpihan Pas itu dikesan hampir serupa dengan logo stesen televisyen Imayam yang beroperasi di Tamil Nadu, India.